



Info ICT

1. Jenis fail

Jenis-jenis fail yang terdapat dalam PC

Fail yang tersimpan dalam komputer terdiri daripada nama fail dan *extension*. Kegunaan nama fail adalah untuk memudahkan anda mengingat dan mencari sesebuah fail. Fungsi *extension* lebih banyak digunakan untuk mempermudah pengelompokan jenis fail. Anda boleh melihat beberapa jenis fail yang terdapat dalam komputer anda, seperti file '.txt', '.exe', '.jpg' dan sebagainya. Fail '.txt' merupakan jenis fail teks manakala fail '.exe' untuk jenis fail *execution*, fail '.jpg' adalah jenis fail gambar dan fail '.doc' adalah fail dokumen. Sistem operasi Windows yang anda gunakan akan mengenal semua jenis fail yang ditemuinya berdasarkan *extension* yang terkandung dalam fail tersebut.

TAHUKAH ANDA?

“Extension yang tidak dibenarkan untuk digunakan”

.bat	Fail Batch
.sys	Fail Sistem
.bin	Fail Sistem
.dll	Fail Sistem Library
.dat	Fail Data Khas

Contoh extension	Jenis Fail
*.tmp *.avi *.wmf *.gif *.jpg *.dib *.bmp *.pcx	Fail jenis grafik
*.doc	Fail dokumen Word
*.ppt	Fail dokumen PowerPoint



2. Apa Itu BLOG?

Blog ialah singkatan bagi ungkapan web logs. Secara ringkasnya, blog juga boleh dikatakan sebagai jurnal atau diari secara atas talian (*online*). Ia terdiri daripada siri-siri entri yang dibezakan mengikut tarikh dan masa ia ditulis. Tuan punya blog (atau juga dipanggil blogger) boleh mengubah (*customize*) format blog masing-masing. Blog ini ada pemiliknya (*owner*) sama ada orang perseorangan, badan korporat atau kumpulan tertentu.

Terdapat pemilik blog yang menyediakan kemudahan untuk berinteraksi dengan para pengunjunnya, sama ada untuk mendapatkan maklum balas /komen terhadap penulisan yang diterbitkan dalam blognya atau membenarkan mereka menulis entri dalam blog berkenaan. Tetapi ada juga blog yang terhad, di mana tuan punya blog tersebut meletak kata laluan kepada blog tersebut. Beliau mungkin tidak membenarkan pengunjung atau membenarkan orang-orang tertentu sahaja membaca blognya.

Cara mewujudkan Blog

Seperti juga tapak laman web, terdapat banyak pengendali khidmat (*service provider*) tapak blog yang memberi perkhidmatan sama ada secara percuma atau berbayar atau keduanya sekali. Ianya bergantung kepada perkhidmatan yang diperlukan oleh pengguna. Antara pengendali blog yang terkenal adalah *blogger.com*, *typepad.com*, *wordpress.com*, *blogdrive.com* dan *diaryland.com*.

Di Malaysia, *cari.com.my* juga telah menyediakan perkhidmatan untuk ahli-ahli yang menyertai forumnya. Terdapat banyak lagi domain yang dimiliki oleh rakyat Malaysia yang boleh dirujuk diruangan komuniti blogger iaitu di <http://www.allblogs.net/>



Komponen di dalam sebuah blog

Biasanya apakah komponen-komponen yang akan diletakkan di dalam *blog*? Komponen utama tentulah *web log* itu sendiri, iaitu entri yang diwujudkan dari masa ke semasa. Jika tiada entri tentulah bukan *blog* namanya. Biasanya *blog* ini tidak berdiri dengan sendiri. Terdapat beberapa aksesori tambahan yang diletakkan bersama-sama. Untuk menarik perhatian pengunjung, tuan punya *blog* mungkin menambah 'plug-in': RSS (Really Simple Syndication), info solat, keadaan cuaca, online status (yahoo messenger) atau mood swing. Antara komponen lain yang biasa diletakkan adalah:

- (i) Comment
- (ii) Tagboard
- (iii) Calendar



Jenis-jenis blog

Terdapat beberapa jenis *blog* dan ianya berbeza mengikut cara ianya ditulis dan disampaikan. Antaranya seperti berikut:

- *Blog Politik*: Berita politik, aktivis politik, dan semua persoalan berdasarkan fahaman politik, kempen politik dan lain-lain.
- *Blog Peribadi*: Disebut juga buku harian online yang mengandungi pengalaman seharian seseorang, keluhan, puisi atau syair, perbincangan rakan dan lain-lain.
- *Blog Bertopik*: *Blog* yang membincangkan tentang sesuatu, dan fokus pada perbincangan tertentu.
- *Blog Kesihatan*: Lebih khusus tentang kesihatan dan tips kesihatan. *Blog* kesihatan kebanyakannya mengandungi pengalaman pesakit, berita kesihatan terbaru, keterangan tentang kesihatan dan lain-lain.
- *Blog Perjalanan*: Fokus pada cerita perjalanan yang menceritakan keterangan-keterangan tentang perjalanan / travelling.
- *Blog Perundangan*: Persoalan tentang perundangan atau urusan undang-undang.
- *Blog Agama*: Membicarakan tentang agama.
- *Blog Pendidikan*: Biasanya ditulis oleh pelajar, guru atau pendidik.
- *Blog Perniagaan*: Digunakan oleh para usahawan untuk kegiatan promosi perniagaan / produk mereka.